



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 26 TAHUN 2013**

---

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PENTADBIR TANAH/PENOLONG PENTADBIR TANAH  
BAGI PEMAKAIAN DI SABAH DAN SARAWAK**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklum dan melaksanakan keputusan kerajaan mengenai penggubalan skim perkhidmatan bersepadu Pembantu Pentadbir Tanah/ Penolong Pentadbir Tanah bagi pemakaian di Sabah dan Sarawak.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah bersetuju supaya pentadbiran tanah di Sabah dan Sarawak diseragam menggunakan satu skim perkhidmatan yang baharu iaitu skim perkhidmatan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah. Ini adalah selaras dengan struktur pentadbiran tanah yang hampir sama di kedua-dua buah negeri. Skim perkhidmatan bersepadu ini juga akan mewujudkan peluang kemajuan kerjaya yang lebih baik bagi meningkatkan motivasi pegawai dan seterusnya meningkatkan prestasi perkhidmatan.

**SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU PENTADBIR TANAH/PENOLONG PENTADBIR TANAH**

3. Skim perkhidmatan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah yang baharu adalah seperti berikut:

<b>Sedia ada</b>	<b>Baharu</b>
<p><b>Sabah</b></p> <p>(a) Penolong Pegawai Tadbir Tanah Gred N27, N32, N36</p> <p>(b) Pembantu Tadbir Tanah Gred N17, N22, N26</p>	<p>Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah</p> <p>Gred NT17, NT22, NT26, NT27/28, NT32, NT36</p>
<p><b>Sarawak</b></p> <p>Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36</p>	

**Gred Jawatan/Gaji**

(a) gred jawatan/gaji ialah Gred NT17, NT22, NT26, NT27/28, NT32, NT36.

**Syarat Lantikan**

(b) Lantikan di Gred NT17

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

(c) Lantikan di Gred NT27

(i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

(ii) Sijil Kejuruteraan (bidang ukur tanah/perancang bandar dan wilayah) dari politeknik atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau

- (iii) diploma dalam bidang pentadbiran awam, harta tanah, ukur tanah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

#### **Perbekalan Kenaikan Pangkat**

- (d) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred NT17 atau Gred NT22 ke Gred NT28 adalah tertakluk kepada memiliki kelayakan STPM atau Sijil Kejuruteraan (bidang ukur tanah/perancang bandar dan wilayah) dari politeknik atau diploma dalam bidang pentadbiran awam, harta tanah, ukur tanah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan serta tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat lain seperti yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan; dan
- (e) perbekalan kenaikan pangkat bagi pegawai di Gred NT26 ke Gred NT28 adalah tertakluk kepada syarat-syarat kenaikan pangkat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan.

#### **Perbekalan Peningkatan Secara Lantikan (PSL) ke jawatan lebih tinggi**

- (f) pegawai di jawatan Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27/28, NT32 dan NT36 diperuntukan perbekalan PSL ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada memenuhi syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

4. Skim perkhidmatan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah adalah seperti di **Lampiran A** dan Pegawai Tadbir adalah seperti di **Lampiran A1**. Format iklan jawatan adalah seperti di **Lampiran B**. Jadual Gaji Minimum - Maksimum (JGMM) bagi skim perkhidmatan ini adalah seperti di **Lampiran C**. Penghuraian kerja umum Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah adalah seperti di **Lampiran D**.

## **PELAKSANAAN**

### **Prinsip Umum Pertukaran Pelantikan**

5. Pegawai hendaklah ditukar lantik ke jawatan baharu di skim perkhidmatan yang sama atau berlainan pada gred yang setara dengan jawatan asal. Pegawai yang ditukar lantik ke skim perkhidmatan dalam kelompok kelayakan lebih tinggi pula, gred jawatan yang akan ditawarkan adalah pada gred lantikan. Sekiranya tiada gred setara, maka jawatan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) boleh diwujudkan.

### **Pelaksanaan Pertukaran Pelantikan**

6. Semua pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Pembantu Tadbir Tanah dan Penolong Pegawai Tanah yang dilantik secara tetap akan ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan yang baharu Pembantu Pentadbir Tanah/ Penolong Pentadbir Tanah mulai tarikh kuat kuasa pekeliling perkhidmatan ini. Gred jawatan pegawai dalam skim perkhidmatan sedia ada akan ditukar lantik mengikut gred ke gred seperti berikut:

#### **(a) Skim Perkhidmatan Pembantu Tadbir Tanah**

- (i) pegawai yang berada di Gred N17 akan ditukar lantik ke Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT17;
- (ii) pegawai yang berada di Gred N22 akan ditukar lantik ke Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT22; dan
- (iii) pegawai yang berada di Gred N26 akan ditukar lantik ke Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT26.

#### **(b) Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah**

- (i) pegawai yang berada di Gred N27 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27;

(ii) pegawai yang berada di Gred N32 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT32; dan

(iii) pegawai yang berada di Gred N36 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT36.

**(c) Skim Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah**

(i) pegawai yang berada di Gred NT17 akan ditukar lantik ke Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT17;

(ii) pegawai yang berada di Gred NT22 akan ditukar lantik ke Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT22;

(iii) pegawai yang berada di Gred NT31/NT32 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT32; dan

(iv) pegawai yang berada di Gred NT36 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT36.

7. Pegawai di gred 17, 22 dan 26 yang memiliki kelayakan STPM atau Sijil Kejuruteraan (bidang ukur tanah/perancang bandar dan wilayah) dari politeknik atau diploma dalam bidang pentadbiran awam, harta tanah, ukur tanah atau bidang berkaitan akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27 seperti berikut:

(a) Pembantu Tadbir Tanah Gred N17, N22 dan N26 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27; dan

(b) Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 dan NT22 akan ditukar lantik ke Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27.

8. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, semua lantikan ke perkhidmatan pentadbiran tanah di Sabah dan Sarawak hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah. Ketua Jabatan

hendaklah menghubungi jabatan ini [Bahagian Pembangunan Organisasi (BPO)] untuk mewujudkan jawatan **Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT17, NT22, NT26, NT27/28, NT32, NT36** secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah Gred N27, N32, N36, Pembantu Tadbir Tanah Gred N17, N22, N26 dan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32, NT36 atau untuk mewujudkan jawatan KUP bagi pegawai yang tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan baharu atau sekiranya kekosongan sedia ada tidak dapat menampung bilangan pegawai yang ditukar lantik.

9. Jabatan ini akan melaksanakan perubahan jawatan dalam Surat Kelulusan Perjawatan sedia ada. Agensi diminta menghubungi jabatan ini (BPO) sekiranya urusan tukar lantik ini mengakibatkan perubahan struktur organisasi atau masalah penyeliaan kerja.

10. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini, semua lantikan hendaklah menggunakan skim perkhidmatan yang baharu dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

## **PEMBERIAN OPSYEN**

11. Ketua Jabatan hendaklah menawarkan opsyen kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tadbir Tanah dan Penolong Pegawai Tanah di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan pegawai membuat pilihan.

12. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang baharu.

13. Pegawai yang menolak opsyen atau tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan baharu ini. Dengan ini:

- (a) pegawai akan kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP;
- (b) pegawai akan berada dalam skim perkhidmatan asal yang telah dijumlahkan dan tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan asal; dan
- (c) pegawai juga tidak layak menikmati keistimewaan dan penambahbaikan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah dan sebarang pindaan kepadanya.

14. Semua pegawai yang terlibat akan diberi tempoh **30 hari** mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran opsyen ini. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

15. Tawaran opsyen ini hanya diberi kepada pegawai yang bertaraf **tetap** dan masih dalam perkhidmatan pada 1 November 2013, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan serta berada dalam Sistem Saraan Malaysia.

16. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada mereka yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukar sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib.

17. Pegawai yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

18. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada pegawai yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 16, Ketua Jabatan boleh menawarkan surat

tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (**30 hari**) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

19. Bagi urusan pemberian opsyen pertukaran pelantikan bagi pegawai dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Pembantu Tadbir Tanah dan Penolong Pegawai Tanah, dokumen berkaitan adalah seperti berikut:

#### **Perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah**

- (a) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penolong Pegawai Tadbir Tanah Gred N27, N32 dan N36 adalah seperti di **Lampiran E, E1 dan E2**.

#### **Perkhidmatan Pembantu Tadbir Tanah**

- (b) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Tadbir Tanah Gred N17, N22 dan N26 adalah seperti di **Lampiran F, F1 dan F2**.

#### **Perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah**

- (c) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Penolong Pegawai Tanah Gred NT17, NT22, NT31/32 dan NT36 adalah seperti di **Lampiran G, G1 dan G2**.

#### **Pembantu Tadbir Tanah dan Penolong Pegawai Tadbir Tanah Yang Mempunyai Kelayakan**

- (d) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Tadbir Tanah Gred N17 dan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang mempunyai kelayakan adalah seperti di **Lampiran H, H1 dan H2**; dan



- (e) Contoh Surat Tawaran Opsyen Pertukaran Pelantikan, Syarat-syarat Pertukaran Pelantikan dan Borang Opsyen Pertukaran Pelantikan bagi Pembantu Tadbir Tanah Gred N22 dan N26 dan Penolong Pegawai Tanah Gred NT22 yang mempunyai kelayakan adalah seperti di **Lampiran J, J1 dan J2**.

20. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai lantikan **sementara** atau **kontrak** dan perkhidmatan pegawai tersebut perlu ditamatkan. Urusan pelantikan semula pegawai berkenaan akan diuruskan oleh Ketua Jabatan, tertakluk memenuhi syarat skim perkhidmatan yang baharu.

**Kenaikan Pangkat Secara *Time-Based* Berasaskan Kecemerlangan Dalam Skim Perkhidmatan Asal Bagi Pegawai Yang Ditukar Lantik ke Gred Jawatan Lebih Tinggi**

21. Pembantu Tadbir Tanah Gred N17 dan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang ditawarkan opsyen pertukaran pelantikan sebagai Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27 layak untuk membuat pilihan sama ada:

- (a) terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan; atau
- (b) ditukar lantik setelah pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan dalam skim perkhidmatan asal.

22. Pembantu Tadbir Tanah Gred N17 dan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang memilih untuk terus ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27 tidak layak dipertimbangkan kenaikan pangkat secara *time-based* di skim perkhidmatan asal kerana telah ditukar lantik ke gred jawatan yang lebih tinggi.

23. Pembantu Tadbir Tanah Gred N17 dan Penolong Pegawai Tanah Gred NT17 yang memilih untuk kekal dalam skim perkhidmatan asal sehingga dinaikkan pangkat secara *time-based* berasaskan kecemerlangan, akan berada dalam skim perkhidmatan asal secara KUP. Pegawai akan dipertimbangkan kenaikan pangkat apabila menggenapkan tempoh 13 tahun di skim perkhidmatan asal. Seterusnya, pegawai akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan berkuat kuasa sehari selepas pegawai dinaikkan pangkat secara *time-based* tersebut.

24. Sekiranya pegawai di perenggan 23 **tidak berjaya dinaikkan pangkat dalam tempoh *time-based* yang ditetapkan**, pegawai boleh memohon untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan yang ditawarkan. Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan adalah pada tarikh semasa yang diluluskan oleh Ketua Jabatan.

## **KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN**

25. Bagi melaksanakan opsyen ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) **Pihak Berkuasa Melantik**

Pihak Berkuasa Melantik akan mewakili kuasa kepada Ketua Jabatan untuk menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) **Ketua Jabatan**

- (i) menawarkan opsyen kepada pegawai terlibat;
- (ii) memberi penjelasan terperinci mengenai opsyen kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat;
- (iii) mengemas kini Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan dan melaporkan kepada jabatan ini (BPO) mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini sebelum 1 Mei 2014 mengikut format seperti di **Lampiran K**.

(c) **Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen**

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah

merujuk kepada Ketua Jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Pemilihan opsyen adalah muktamad;

- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu (1) salinan untuk disimpan oleh Ketua Jabatan manakala satu (1) salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) mengembalikan borang opsyen dalam tempoh 30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan.

## **KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

26. Pegawai akan ditawarkan gaji permulaan di jawatan baharu seperti berikut:

- (a) pada gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (b) pada amaun gaji yang sama dengan amaun gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau
- (c) pada gaji permulaan kelayakan diploma bagi pegawai yang memiliki kelayakan diploma jika amaun gaji di gred jawatan asal adalah lebih rendah daripada gaji permulaan kelayakan diploma.

27. Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji dalam JGMM mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada jabatan ini (Bahagian Saraan) dengan mengemukakan salinan Kenyataan Perkhidmatan pegawai terlibat yang telah dikemas kini dan disahkan.

28. Contoh kaedah penetapan gaji permulaan bagi pertukaran pelantikan ini adalah seperti di **Lampiran L**.

## **TARIKH PERGERAKAN GAJI**

29. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.

## **ELAUN DAN KEMUDAHAN**

30. Urusan pertukaran pelantikan ini tidak melibatkan sebarang perubahan elaun dan kemudahan yang sedang diterima oleh pegawai mengikut pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran yang berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, penetapan kadar elaun dan kemudahan tersebut adalah tertakluk kepada penetapan gred jawatan pegawai ditukar lantik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

31. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

## **PEMBATALAN**

32. Dengan berkuat kuasanya pekeliling perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tanah dan Pegawai Tadbir dalam semua pekeliling perkhidmatan/surat pekeliling perkhidmatan/surat edaran berkaitan adalah dibatalkan, kecuali untuk menampung pegawai yang belum layak dan pegawai yang menolak opsyen. Senarai skim perkhidmatan yang dibatalkan adalah seperti berikut:

- (a) skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah dan Pembantu Tadbir Tanah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002;
- (b) skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2005; dan

- (c) skim perkhidmatan Pegawai Tadbir di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**



**(TAN SRI MOHAMAD ZABIDI ZAINAL)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

29 Oktober 2013

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PENTADBIR TANAH/PENOLONG PENTADBIR TANAH**

**KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA  
(SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)**  
**GREJAWATAN/GAJI** : **NT17, NT22, NT26, NT27/28, NT32, NT36**  
**TARIKH KUAT KUASA** : **1 NOVEMBER 2013**

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GREJAWATAN NT17**

- (c) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:RM928.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GREJAWATAN NT27**

- (d) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:RM1,362.00);  
atau

- (ii) sijil dalam bidang kejuruteraan (ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah) yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:RM1,362.00);  
atau

- (iii) diploma dalam bidang pentadbiran awam yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:RM1,661.95);  
atau

- (iv) diploma dalam bidang harta tanah atau ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred NT27:RM1,737.15).

**SYARAT KELAYAKAN  
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI  
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred NT17 atau Gred NT27 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI  
MINDA/PEPERIKSAAN**

6. Pegawai dalam tempoh percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM  
PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI  
DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT22**

10. Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT17 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT22 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT26**

11. Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT26 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT28**

12. (a) Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT17 atau NT22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pentadbir Tanah Gred NT28 yang kosong apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (iii) mempunyai kelayakan yang ditetapkan di perenggan 1 (d) di atas;
  - (iv) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (v) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- (b) Pembantu Pentadbir Tanah Gred NT26 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pentadbir Tanah Gred NT28 yang kosong apabila telah:
- (i) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (ii) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (iii) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT32**

13. Penolong Pentadbir Tanah Gred NT27/28 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pentadbir Tanah Gred NT32 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED NT36**

14. Penolong Pentadbir Tanah Gred NT32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pentadbir Tanah Gred NT36 yang kosong apabila telah:



- a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
- b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA  
LANTIKAN KE JAWATAN  
PEGAWAI TADBIR  
GRED N41**

- 15. Penolong Pentadbir Tanah yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir Tanah dan Pembantu Tadbir Tanah yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tanah yang berkuat kuasa pada 1.1.2006 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 38 Tahun 2005).

## LAMPIRAN A1

### SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TADBIR

<b>KLASIFIKASI</b>	<b>:</b>	<b>PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN</b>
<b>KUMPULAN PERKHIDMATAN</b>	<b>:</b>	<b>PENGURUSAN DAN PROFESIONAL</b>
<b>GRED JAWATAN/GAJI</b>	<b>:</b>	<b>N41, N44, N48, N52, N54</b>
<b>TARIKH KUAT KUASA</b>	<b>:</b>	<b>1 NOVEMBER 2013</b>

- SYARAT LANTIKAN**
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
    - warganegara Malaysia;
    - berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
    - ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM1,911.00);  
atau
      - ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,114.43);  
atau
      - ijazah Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,216.64);
  - Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
  - Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah, Penolong Pegawai Tadbir, Penolong Pegawai Tanah, Penghulu dan Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
    - mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
      - lulus Peperiksaan Khas; dan
    - had umur pelantikan:
      - berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**
7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**
10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N44**
11. Pegawai Tadbir Gred N41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N44 yang kosong apabila telah:
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED N48**
12. Pegawai Tadbir Gred N44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N48 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N52**

13. Pegawai Tadbir Gred N48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N52 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED N54**

14. Pegawai Tadbir Gred N52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N54 yang kosong apabila telah:
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT  
KE GRED YANG  
LEBIH TINGGI**

15. Pegawai Tadbir Gred N54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Tadbir yang berkuat kuasa pada 2.7.2009 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009).

**FORMAT IKLAN JAWATAN**

1. (a) Jawatan : Nyatakan nama jawatan seperti dalam skim perkhidmatan berkenaan.
- (b) Kementerian/Jabatan/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan\* : Nama Agensi.
- (c) Kumpulan Perkhidmatan : Nyatakan sama ada Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.
- (d) Klasifikasi Perkhidmatan : Nyatakan Klasifikasi Perkhidmatan yang mengandungi skim perkhidmatan tersebut wujud.
2. Jadual Gaji : Rujuk pekeliling perkhidmatan yang berkuat kuasa.
3. Syarat Lantikan : Seperti syarat lantikan dalam skim perkhidmatan yang berkenaan.
4. Taraf Jawatan : Nyatakan sama ada bertaraf tetap, sementara atau kontrak.
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan (nyatakan seperti di 1(a) di atas) adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.
6. Fungsi Bidang Tugas : Untuk diisi oleh Ketua Perkhidmatan setiap kali pengiklanan dibuat.
7. Tarikh Tutup Permohonan : Nyatakan tarikh tutup permohonan.

(\* Potong mana yang tidak berkenaan)

**JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM BAGI PERKHIDMATAN  
PENTADBIRAN DAN SOKONGAN KUMPULAN PELAKSANA  
MULAI 1 NOVEMBER 2013**

(RM SEBULAN)

<b>KOD GAJI KOMPUTER SSM</b>	<b>GRED GAJI</b>	<b>GAJI MINIMUM</b>	<b>GAJI MAKSIMUM</b>	<b>KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN</b>
SSM305NT36000	NT36	3,392.00	6,786.00	180.00
SSM305NT32000	NT32	2,727.00	5,634.00	155.00
SSM305NT28000	NT28	1,362.00	5,092.00	145.00
SSM305NT27000	NT27	1,362.00	5,092.00	145.00
SSM305NT26000	NT26	2,483.00	4,749.00	125.00
SSM305NT22000	NT22	2,165.00	4,233.00	115.00
SSM305NT17000	NT17	928.00	3,375.00	95.00

**PENGHURAIAN KERJA UMUM  
PEMBANTU PENTADBIR TANAH/PENOLONG PENTADBIR TANAH**

**1. SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Pentadbir Tanah/Penolong Pentadbir Tanah Gred NT17, NT22, NT26, NT27/28, NT32, NT36.

**2. PERINGKAT ORGANISASI**

Jabatan Tanah dan Ukur Sabah, Pejabat-pejabat Tanah Daerah Negeri Sabah, Jabatan Tanah dan Survei Sarawak serta Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sarawak

**3. RINGKASAN TUGAS**

Bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pentadbiran tanah di peringkat kumpulan pelaksana berhubung urusan permohonan tanah, penyiasatan tanah, urus niaga tanah, hasil tanah, penguatkuasaan tanah dan tugas-tugas lain yang berkaitan dengan tanah yang ditentukan dari semasa ke semasa.

**4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

- a. Menguruskan surat menyurat berhubung permohonan tanah dan penyiasatan tanah serta notis tuntutan/notis jualan.
- b. Pendaftaran dan memproses permohonan dan docket penyiasatan tanah.
- c. Mengemas kini rekod penerimaan geran draf tanah.
- d. Penyediaan laporan bulanan permohonan, penyiasatan tanah, kutipan hasil tanah dan urus niaga tanah serta penguatkuasaan tanah.
- e. Pemantauan tunggakan cukai dan pengeluaran surat peringatan kepada pemilik tanah.
- f. Penyaksian ke atas dokumen di bawah Seksyen 97 Ordinan Tanah Bab 68.
- g. Penyimpan geran-geran draf dan pengeluar geran draf kepada pemilik.

- h. Bertanggungjawab penuh dalam mengawal selia, memantau kerja kakitangan Pejabat Tanah dan membahagikan tugas serta memastikan pelaksanaannya.
- i. Bertanggungjawab ke atas penyimpanan dan keselamatan dokumen-dokumen geran sama ada berdaftar atau draf dan semua “Buku Memorial” dan buku daftar yang lain.
- j. Bertanggungjawab meneliti dan mengesahkan Buku Tunai Pungutan Cukai Tanah setiap hari.
- k. Bertanggungjawab menyediakan serta menyusun Laporan Tahunan, Laporan Anggaran Hasil.
- l. Bertanggungjawab mengeluarkan dan menandatangani resit-resit pembayaran cukai-cukai tanah dan sebagainya.
- m. Bertanggungjawab membantu memungut semua pungutan Hasil Tanah.
- n. Membuat laporan yang lengkap dan memperenggankan tanah (ukur tanah) bagi maksud permohonan tanah dan permit bahan batu, lesen melombong dan permit cari gali, pecah sempadan/bahagian/penyatuan tanah, pengambilan balik tanah, hak lalu lalang, pencerobohan tanah kerajaan/simpanan/lombong, kelonggaran syarat tanah dan rancangan projek kerajaan.
- o. Menyediakan permohonan ukur bagi tanah-tanah yang telah diluluskan pelupusan, pecah sempadan/pecah bahagian/penyatuan tanah dan tanah yang telah diambil balik sebahagiannya.
- p. Menyimpan dan mengemaskinikan rekod-rekod di Pejabat Tanah.
- q. Menjalankan kerja-kerja penilaian tanah.
- r. Menerima dan memproses permohonan pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi-agensi kerajaan.
- s. Mengemas kini dan mengawasi semua rekod pendaftaran dan hak milik tanah.
- t. Bertanggungjawab dalam hal-hal penyiasatan bagi mencegah pencabulan tanah-tanah kerajaan dan pelanggaran-pelanggaran syarat.
- u. Menjalankan tugas penguatkuasaan, menjadi pegawai pendakwa di mahkamah dan menyediakan afidavit bagi isu tanah yang tertakluk di bawah Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara.
- v. Menjadi ahli lembaga tender bagi tanah-tanah yang hendak dipajakan.
- w. Membantu menyediakan kertas Memorandum Jemaah Menteri dan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan berkenaan pengurusan pentadbiran tanah.



- x. Menjalankan tugas-tugas lain yang di amanahkan dari semasa ke semasa.

## **5. HUBUNGAN KERJA**

### **Dalaman**

- a. Rakan sekerja di pejabat/bahagian/unit yang sama.
- b. Pegawai dan kakitangan di dalam organisasi yang sama.

### **Luaran**

- a. Orang Awam.
- b. Jabatan/Agensi Kerajaan.
- c. Syarikat Swasta.

## **6. PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat (di lapangan).

## **7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)**

Mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai Ordinan Tanah dan undang-undang tanah lain yang berkaitan.

## **8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- a. Bersih, cekap dan amanah.
- b. Jujur.
- c. Bertanggungjawab.
- d. Berminat dan berdedikasi.

**9. ANCAMAN/ BAHAYA**

- a. Penyelewengan.
- b. Terdedah dengan unsur rasuah.
- c. Kepentingan diri.

**SURAT TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN  
(PENOLONG PEGAWAI TADBIR TANAH GRED N27, N32 DAN N36)**

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

---

Fail Ruj.:

Tarikh:

Nama : (Nama pegawai)

Alamat : .....

.....

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN  
SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR TANAH, PENOLONG  
PEGAWAI TADBIR TANAH DAN PENOLONG PEGAWAI TANAH  
MELALUI PEMBERIAN OPSYEN**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tadbir Tanah dan Penolong Pegawai Tanah dilaksanakan berkuat kuasa pada **1 November 2013**. Sehubungan itu, tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah Gred .... di (nama jabatan).

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di **Lampiran E1**. Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada **menerima atau menolak tawaran** pertukaran pelantikan ini dengan mengisi Borang Opsyen di **Lampiran E2**. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai ke pejabat ini sebelum atau pada .....(30 hari mulai tarikh surat tawaran dikeluarkan).

2.1 Sekiranya tuan/puan **menerima tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (a)**  
**dalam Borang Opsyen di Lampiran E2;**

**atau**

2.2 Sekiranya tuan/puan **menolak tawaran**, tuan/puan hendaklah:

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan **di perenggan (b) dalam Borang Opsyen di Lampiran E2**. Tuan/Puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

.....  
(Tandatangan Ketua Jabatan)

## LAMPIRAN E1

### SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN BAGI (PENOLONG PEGAWAI TADBIR TANAH GRED N27, N32 DAN N36)

- |    |  |   |
|----|--|---|
| 1. | Kerajaan telah memutuskan supaya penjumudan skim perkhidmatan Pembantu Tadbir Tanah, Penolong Pegawai Tadbir Tanah dan Penolong Pegawai Tanah dilaksanakan berkuat kuasa pada 1 November 2013. Dengan keputusan itu, tuan/puan diberi opsyen sama ada menerima tawaran untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah ataupun menolak tawaran pertukaran pelantikan. Jika tuan/puan menolak tawaran pertukaran pelantikan ini, tuan/puan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah muktamad. | <b>OPSYEN</b>   |
| 2. | Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah <b>tiga puluh (30) hari</b> mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau tidak melaporkan diri bertugas pada tarikh yang ditetapkan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah <b>dianggap menolak</b> tawaran pertukaran pelantikan dan akan dikekalkan dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.  | <b>TEMPOH MEMBUAT<br/>OPSYEN</b>                                    |
| 3. | Tuan/Puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah Gred.....  | <b>JAWATAN YANG<br/>DITAWARKAN</b>                                  |
| 4. | Tuan/Puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan yang diperuntukkan dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.   | <b>PEMAKAIAN SYARAT<br/>DAN PERATURAN<br/>PERKHIDMATAN<br/>BARU</b> |
| 5. | Tuan/Puan akan ditawarkan:<br><br>(a) gaji minimum di gred jawatan baharu sekiranya gaji akhir di gred jawatan asal adalah sama atau lebih rendah daripada gaji minimum di gred jawatan baharu; atau<br><br>(b) gaji yang sama dengan gaji akhir di gred jawatan asal jika gaji akhir tuan/puan di gred jawatan asal lebih tinggi daripada gaji minimum di gred jawatan baharu.  | <b>GAJI PERMULAAN</b>   |

Pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh amaun gaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji KUP hendaklah dipohon daripada Bahagian Saraan, JPA.

- |     |  |  |
|-----|--|--|
| 6.  | Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) tuan/puan akan dikekalkan mengikut TPG jawatan asal.  | <b>TARIKH<br/>PERGERAKAN GAJI</b>                                    |
| 7.  | Tuan/Puan <b>dikecualikan</b> daripada syarat tempoh percubaan <b>jika tuan/puan telah disahkan</b> dalam perkhidmatan asal. Walau bagaimanapun untuk tujuan pencen, tuan/puan hendaklah disahkan dalam perkhidmatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan.   | <b>TEMPOH<br/>PERCUBAAN BAGI<br/>PEGAWAI YANG<br/>TELAH DISAHKAN</b> |
| 8.  | Tuan/Puan yang <b>belum disahkan</b> dalam perkhidmatan asal, dikehendaki <b>menghabiskan baki</b> tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) tahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan dalam perkhidmatan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. | <b>TEMPOH<br/>PERCUBAAN BAGI<br/>PEGAWAI YANG<br/>BELUM DISAHKAN</b> |
| 9.  | Kekananan tuan/puan di jawatan baharu akan dikekalkan.   | <b>KEKANANAN</b>   |
| 10. | Jika tuan/puan belum disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebelum diperakukan pengesahan dalam perkhidmatan di jawatan baru.  | <b>OPSYEN SKIM KWSP</b>  |
| 11. | Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan.   | <b>TARAF BERPENCEN<br/>DIKEKALKAN</b>                                |
| 12. | Tuan/Puan dibenarkan membawa baki cuti rehat tahunan dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan award wang tunai sebagai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa.   | <b>CUTI REHAT</b>  |
| 13. | Tuan/Puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.  | <b>PENEMPATAN</b>  |
| 14. | Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah..... .  | <b>KETUA<br/>PERKHIDMATAN</b>  |
| 15. | Tuan/Puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa dalam perkhidmatan awam.  | <b>KEPERLUAN<br/>MEMATUHI<br/>PERATURAN</b>                          |

16. Tuan/Puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, akuan berkanun, aku janji dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa di jawatan asal.

**SYARAT  
PELANTIKAN YANG  
DIKECUALIKAN**

17. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai **1 November 2013**.

**TARIKH KUAT  
KUASA**

18. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus **kecuali** bagi tujuan faedah persaraan dan kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman.

**HUBUNGAN DENGAN  
PERKHIDMATAN  
ASAL**

**BORANG OPSYEN  
(PENOLONG PEGAWAI TADBIR TANAH GRED N27, N32 DAN N36)**

---

Fail Rujukan :  
Tarikh :

(Nama dan Alamat Ketua Jabatan)

.....  
.....

Tuan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN BERIKUTAN PENJUMUDAN  
SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU TADBIR TANAH, PENOLONG  
PEGAWAI TADBIR TANAH DAN PENOLONG PEGAWAI TANAH MELALUI  
PEMBERIAN OPSYEN**

Berhubung dengan surat tuan bil.: ..... bertarikh  
..... mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan  
seperti berikut:-

- (a)  **Menerima tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah di (nama jabatan) dengan gaji RM..... atas Gred .... dengan syarat yang dinyatakan di **Lampiran E1** surat tawaran tuan:

**ATAU**

- (b)  **Menolak tawaran** pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Penolong Pentadbir Tanah di (nama jabatan) dan dengan ini bersetuju kekal dalam skim perkhidmatan dan gred jawatan asal secara KUP.



2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran ini dan implikasi ke atas pilihan yang saya buat.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh :  
No.Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Tarikh :

Di hadapan:

.....  
SAKSI\*\*

Nama Penuh :  
No. Kad Pengenalan :  
Jawatan :  
Alamat :

Tarikh :

---

**Nota:**

